

Gigih majukan negara hargai jasa Mahathir

UM 25 OCT 2003
PULAU PINANG 24 Okt. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu rakyat terus gigih berusaha memajukan negara sebagai tanda terima kasih dan penghargaan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, usaha membangun dan memajukan negara tiada noktah sebaliknya memerlukan kerja keras melalui pelaksanaan dasar-dasar negara demi mencapai wawasan negara maju pada tahun 2020.

Beliau berkata, jasa yang paling besar Perdana Menteri ialah menanam keyakinan kepada rakyat dalam memajukan negara sehingga mencapai satu kejayaan yang hebat di peringkat antarabangsa.

“Sebagai tanda terima kasih kepada Perdana Menteri (Dr. Mahathir) perkara yang perlu kita pastikan ialah usaha lebih baik supaya negara bertambah maju.

“Kita bersyukur dengan kemajuan negara dan usaha itu perlu diteruskan kerana ia tiada noktah. Membangunkan negara (diteruskan) dari satu generasi ke satu generasi dan dari satu pemimpin kepada satu pemimpin,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Seminar Kepimpinan Pengguna dan Persidangan Agung Perwakilan Kali ke-29 Kesatuan Penghulu dan Penggawa Semenanjung Malaysia di Hotel Equatorial, Bukit Jambul di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Yang Dipertua Kesatuan Penghulu dan Penggawa Semenanjung Malaysia, Nordin Iskandar.

Menurut Abdullah, Dr. Mahathir memperkenalkan banyak dasar penting negara termasuk Wawasan 2020 dan jasanya paling besar ialah menanamkan keyakinan kepada rakyat.